

Banyak foto Dr Mahathir ditempah

BH 11/01/03

KUALA LUMPUR: Walaupun baru dirasmikan semalam, pameran foto 'Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan' sudah mendapat tempahan daripada tetamu khas yang menghadiri majlis perasmian.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pameran yang dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail itu juga turut mendapat pujian.

Katanya, 1,031 gambar Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menerajui negara dipamerkan sempena pameran itu yang dibuka kepada orang ramai mulai hari ini.

"Gambar-gambar ini dirakamkan jurugambar profesional media tempatan dan ia berkualiti tinggi. Ia akan dipamerkan se-

Pameran Seribu Wajah Dr Mahathir

lama dua bulan sehingga 6 Disember ini," katanya kepada pemberita selepas perasmian pameran berkenaan di Balai Seni Lukis Negara, semalam.

Turut berangkat ke majlis berkenaan ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Ia juga dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; isteri Khalil, Puan Sri Zurina Kassim; menteri kabinet, duta asing serta ketua pengarang media tempatan.

Anak Dr Mahathir, Mokhzani mewakili bapanya pada majlis itu.

Khalil berkata, gambar-gambar

yang dipamerkan adalah dalam bentuk 'art canvas' yang dicetak secara digital, iaitu satu teknik khusus bagi memastikan gambar-gambar itu lebih jelas dan berkualiti.

Beliau yang juga penaung pameran itu berkata, Dr Mahathir sendiri dijangka melawat pameran berkenaan sekembalinya dari luar negara.

Ditanya sama ada pameran itu akan dibawa ke negeri lain terutama Sabah dan Sarawak, Khalil berkata ia bergantung kepada sambutan pameran berkenaan.

Pada ucapannya sebelum itu, Khalil berkata, pameran itu merakamkan Dr Mahathir sebagai se-

orang negarawan, pemimpin serta insan biasa yang dikenali bukan saja di dalam, malah di luar negara.

Katanya, kepelbagaian gambar dan aksi Dr Mahathir yang dipamerkan di pameran berkenaan membuktikan bahawa pucuk pimpinan negara itu seorang pemimpin 'mesra media'.

"Gambar-gambar yang dipamerkan juga menunjukkan beliau mesra rakyat dan mudah didampingi. Turut dipamerkan ialah gambar 'candid' yang menunjukkan kemesraan Dr Mahathir bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan ahli keluarga," katanya.

Pameran itu akan dibuka secara percuma kepada orang ramai mulai esok dari jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari.